

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan inisiatif Kementerian untuk melakukan pembaharuan pada struktur dan ekosistem industri padi, memandangkan pemberian subsidi semata tanpa sokongan R&D yang sewajarnya tidak memberi impak yang besar pada perubahan pendapatan petani yang rata-rata hanya mendapat RM300 hingga RM650 per hektar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sedang melakukan beberapa pembaharuan iaitu selain dari segi struktur serta ekosistem industri turut menjurus kepada pengukuhan penyelidikan dan pembangunan (R&D) padi. R&D padi ini lebih menumpukan kepada permasalahan tertentu seperti teknologi yang bersesuaian untuk kawasan jelapang dan luar jelapang yang mana ianya mampu memberikan pulangan hasil kepada pesawah.
2. Sehingga kini, MARDI telah berjaya menghasilkan varieti padi yang berhasil tinggi, sistem pengeluaran yang efisien dan pengawalan penyakit dan perosak. Pada masa kini varieti benih padi yang mendapat sambutan yang baik oleh pesawah ialah MARDI SIRAJ 297 yang dianggarkan 43.2% digunakan oleh pesawah di Semenanjung Malaysia dan diikuti oleh MR220 CL2 (30.4%), MR 219 (17.3%), MR 269 (5.4%), MR 220 (2.0%), MR 263 (1.6%), MR 284 (0.5%), MARDI Sebernas 307 (0.3%) dan MARDI Sebernas 303 (0.1%). Padi wangi MRQ 76 juga mendapat tempat dalam kalangan pesawah dimana sebanyak 0.2% ditanam di Semenanjung Malaysia.
3. MARDI sentiasa berusaha untuk menambahbaik dari segi penghasilan varieti benih padi yang spesifik mengikut sistem pengeluaran tertentu terutamanya bagi kawasan bertanam padi setahun sekali. Penyelidikan juga melibatkan potensi varieti benih padi bagi kawasan sawah tanpa air bertakung, sistem pengeluaran serta pakej kawalan penyakit dan perosak yang sedang ditambahbaik supaya ianya mampu memberi pulangan hasil yang tinggi dan meningkatkan pendapatan kepada pesawah.

Sekian, terima kasih.